



Penggunaan Kit 'My Fimoki' dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak Prasekolah

(Effectiveness Of 'My Fimoki' Kit in Improving the Handwriting Skill Among Preschool Children)

Anis Norma Mohammad Jaafar¹, Shobana Prabhakaran²,
Hasrul Hosshan^{3*}, Mohd Muslim Md Zalli⁴,
Mohd Afifi Bahurudin Setambah⁵

¹Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: anisnorma@fpm.upsi.edu.my

²Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: shona_nair92@yahoo.com

³Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia;

Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: hasrul.hosshan@fpm.upsi.edu.my

⁴Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: muslim@fpm.upsi.edu.my

⁵Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: mohdafifi@fpm.upsi.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Hasrul Hosshan

(hasrul.hosshan@fpm.upsi.edu.my)

KATA KUNCI:

Kemahiran menulis

Kemahiran motor halus

Kanak-kanak prasekolah

Pengajaran dan pembelajaran

KEYWORDS:

Hand writing skill

Fine motor skill

Preschool pupils

Teaching and learning

CITATION:

Anis Norma Mohammad Jaafar et al. (2022).
Penggunaan Kit 'My Fimoki' dalam
Meningkatkan Kemahiran Menulis Kanak-
Kanak Prasekolah. *Malaysian Journal of*

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan kit permainan motor halus iaitu 'MY FIMOKI' dalam meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah di daerah Batang Padang, Perak. Kajian ini juga menilai tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah dan faktor-faktor yang mendorong kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Pendekatan kuantitatif dengan kaedah kuasi ekperimental dengan sokongan data dari pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual telah dijalankan dalam kajian ini. Pemilihan responden kajian dijalankan secara bertujuan melibatkan 16 orang kanak-kanak prasekolah dan tujuh orang guru prasekolah di daerah Batang Padang. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif. Dapatan kajian menerangkan terdapat peningkatan dalam tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak selepas menerima intervensi 'MY FIMOKI'. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap perkembangan kemahiran motor halus yang rendah merupakan faktor utama masalah kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Secara keseluruhan, penemuan dari kajian ini menunjukkan

Social Sciences and Humanities (MJSSH),
7(8), e001689.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1689>

bahawa kemahiran motor halus amat penting untuk kanak-kanak prasekolah bagi meningkatkan kemahiran menulisnya. Implikasi kajian menunjukkan penggunaan kit permainan motor halus dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis.

ABSTRACT

This study aims to investigate the effectiveness of the fine motor kit game 'MY FIMOKI' in improving the handwriting skill of preschool children in Muallim and Batang Padang districts. Beside that, the study also evaluates writing skill development level and factors that drive the skill among preschool children. A quantitative approach with quasi experimental approach with support data from observation methods, document analysis and interviews was used in this study. The selection of study respondents was conducted in a participatory manner involving 16 preschool children and seven preschool teachers in Batang Padang districts. Data was analyzed using descriptive analysis. The results of the study shown, there was an increase in children's writing skill development level after receiving the intervention 'MY FIMOKI'. The findings also showed that low fine motor skill development level is a major factor of writing problems among preschool children. In conclusion, the findings from this study shows fine motor skills are very important for preschool children to improve their writing skill. The implication of the study shows, effectiveness of teaching and learning writing skills can be increased by fine motor game kits.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada tentang pengaplikasian dan keberkesanan 'MY FIMOKI' dalam meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Tahap kecekapan dan tahap penguasaan kemahiran kanak-kanak adalah berbeza mengikut tahap perkembangan mereka. Oleh yang demikian, perlu dititikberatkan kemahiran motor halus, aktiviti koordinasi mata dan tangan dalam proses PdPC dalam dan luar bilik darjah bagi meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah.

1. Pengenalan

Pendidikan Prasekolah merupakan pengalaman pembelajaran yang awal dan berkesan yang dapat melahirkan kanak-kanak yang sempurna dari segi kemahiran, keyakinan diri dan sikap yang positif untuk kesediaan pembelajaran yang seterusnya ([Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan, 2017](#)). Pendidikan prasekolah merupakan medan awal dalam melaksanakan transformasi pendidikan bagi mencapai kecemerlangan yang sempurna dalam bidang pendidikan di seluruh dunia ([Kementerian Pelajaran Malaysia, 2019](#)). Pusat Pendidikan Prasekolah adalah tapak asas bagi melahirkan kanak-kanak yang mahir dalam semua kemahiran. Kanak-kanak perlu didedahkan dengan kemahiran menulis huruf secara urutan yang betul sejak awal lagi agar kanak-kanak tidak menghadapi masalah pembelajaran yang rumit ketika memasuki tahun satu di sekolah rendah. Tujuan kemahiran menulis adalah untuk menyediakan asas menulis yang kukuh bagi membolehkan kanak-kanak menulis dengan baik, cekap dan pantas. Ia juga membolehkan kanak-kanak mengeja perkataan dengan pantas dan

menyusun ayat-ayat dengan betul dan boleh difahami oleh pembaca. Selain itu, kemahiran menulis membolehkan kanak-kanak melahirkan fikiran dan perasaan dengan sempurna dalam bentuk tulisan. Ia juga mendedahkan kanak-kanak cara menulis yang betul dan juga meluaskan pengetahuan dalam perbendaharaan kata, perkembangan bahasa dan tulisan.

Kanak-kanak akan menguasai kemahiran menulis secara berperingkat mengikut kesediaan dan keupayaannya. Bagi menguasai kemahiran menulis dengan sepenuhnya, murid-murid perlu bersedia dari segi kemahiran motor halus. Kemahiran motor halus bermaksud kemahiran mengawal otot-otot jari dan juga pergerakan jari bebas untuk meneroka sesuatu (Mahfuzah, 2015). Kemahiran menulis merupakan satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah merentasi kurikulum. Kanak-kanak yang boleh menguasai kemahiran motor halus dengan baik berada dalam keadaan yang selesa berbanding kanak-kanak yang belum menguasai kemahiran tersebut. Oleh itu, kemahiran pramenulis perlu diberi tekanan pada usia awal kanak-kanak.

1.1. Penyataan Masalah

Cara memegang pensel menunjukkan bahawa kanak-kanak ini kurang mahir dalam kemahiran motor halus. Ini menjadi ujian awal dalam latihan pra-menulis. Ia telah dibuktikan dalam kajian Abdul Rasid (2011) yang berpendapat bahawa masalah ketidakcekapan koordinasi mata dan tangan semasa menulis boleh dikesan semasa kanak-kanak memegang pensel dengan cara yang tidak betul. Seterusnya ialah kanak-kanak tidak tahu urutan betul menulis huruf. Masalah menulis huruf secara urutan betul ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dijalankan dengan sempurna (Hassan, 2019). Masalah ketidakbolehan menulis huruf secara urutan yang betul ini terjadi disebabkan kanak-kanak tersebut tidak melalui alam pembelajaran yang formal sebelum ini.

Sikap segelintir guru dan ibu bapa yang tidak memberi penekanan terhadap perkembangan kemahiran menulis pada usia awal serta kurang membimbing kanak-kanak turut membawa kepada masalah menulis huruf secara urutan yang betul dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Melalui pemerhatian dalam kajian oleh Yusof dan Walter Alvin (2010), guru-guru jarang mengajar kanak-kanak cara untuk memegang alat tulis dengan betul semasa menulis. Mereka berdua juga berpendapat bahawa kemahiran menulis ini kurang dititikberatkan dan tidak diberi penekanan secara formal dalam kalangan kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran dan ia menyebabkan tulisan kanak-kanak tidak cantik, kemas dan sukar dibaca. Ini secara tidak langsung memberi kesan negatif terhadap pembelajaran kanak-kanak seperti lambat menyiapkan sesuatu tugas yang diarahkan oleh guru. Masalah menulis huruf secara urutan atau bentuk yang tidak betul akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu dan tidak dapat dijalankan dengan sempurna antara kanak-kanak dan guru prasekolah.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut :

- i. Mengenal pasti tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah.
- ii. Mengkaji penggunaan “MY FIMOKI” dalam Pengajaran dan Pemudahcara harian bagi meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak.

- iii. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi masalah menulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

2. Sorotan Literatur

Pendidikan Prasekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid-murid yang berumur empat hingga enam tahun dalam jangka masa satu hingga dua tahun sebelum masuk ke Tahun Satu di sekolah rendah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pendidikan Prasekolah adalah bertujuan untuk mengembangkan pelbagai potensi kanak-kanak dari sejak kecil bagi menyediakan seseorang kanak-kanak untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi (Mohd Yusof & Maat, 2022; Masnan et al., 2017).

Perkembangan motor adalah proses perilaku bagi membentuk cara melakukan sesuatu gerakan (Mahfuzah, 2015). Kemahiran motor halus pada amnya melibatkan hubungan antara otak, sistem saraf dan otot yang bekerja secara bersama. Murid-murid boleh memperkembangkan diri kepada individu yang sempurna melalui bermain. Seo (2018) mengatakan kecekapan kemahiran motor halus dan kemahiran manipulasi adalah faktor utama yang mempengaruhi kecekapan kemahiran menulis kanak-kanak. Oleh itu, penguasaan kemahiran motor sama ada motor halus, motor kasar dan manipulatif amat penting dalam pergerakan asas untuk membolehkan murid melibatkan diri dalam aktiviti fizikal dan aktiviti pembelajaran dengan penuh yakin (Kim et al., 2016; Seo, 2018).

Latihan awal yang mempunyai kaitan dengan latihan koordinasi mata dan tangan serta kemahiran motor halus dari sejak kecil membantu kanak-kanak dalam menulis dengan teratur dan baik (Ahmad Hairi et al., 2019). Perkara ini terbukti hasil dapatan kajian Puteri Anatassia dan Azizah (2020), yang menyatakan dengan menggalakkan kanak-kanak menambahbaikkan kemahiran motor halus supaya kanak-kanak dapat memegang pensel dengan cara yang betul. Dapatan ini juga disokong oleh Kim et al. (2016), yang berpendapat kemahiran menulis berkait rapat dengan kemahiran motor halus kanak-kanak, kerana kecekapan kemahiran menulis kanak-kanak bertambah apabila tahap penguasaan kemahiran motor halus kanak-kanak meningkat.

3. Metod Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kuantitatif. Kajian kuasi eksperimental dengan menjalankan ujian pra dan pasca (Creswell, 2012). Data kajian ini juga disokong oleh analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual.

3.1. Pemilihan Lokasi dan Responden Kajian

Lokasi kajian ini terdiri daripada tujuh buah prasekolah di daerah Batang Padang, Perak. Kesemua sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah sekolah yang berstatus bahasa Tamil sebagai bahasa penghantaran. Setiap sekolah yang dipilih merupakan institusi kerajaan yang beroperasi dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Responden kajian ini terdiri daripada 16 orang kanak-kanak prasekolah yang berada dalam lingkungan umur lima hingga enam tahun dan tujuh orang guru prasekolah dari tujuh buah prasekolah di daerah Batang Padang. Sampel kajian ini dipilih secara tidak rawak kerana persampelan kajian ini memberi tumpuan terhadap ciri-ciri tertentu dan sesuai dengan kajian ini. Dalam pemilihan responden kajian iaitu kanak-kanak prasekolah,

penyelidik kedua telah menjalankan beberapa kaji selidik bagi mendapatkan maklumat tambahan sebelum memilih sampel kajian. Daripada jumlah populasi iaitu 198 orang kanak-kanak dari tujuh buah prasekolah prasekolah tersebut, sebanyak 16 orang kanak-kanak prasekolah dipilih sebagai responden kajian ini.

3.2. Instrumen Kajian

Pemilihan instrumen kajian penting untuk memperoleh maklumat dalam sesuatu kajian. Kumpulan penyelidik telah menggunakan tiga instrumen iaitu senarai semak, ujian pra dan pasca dan protokol temu bual separa berstruktur. Semasa di peringkat persediaan, penyelidik 1 dan 2 telah memastikan protokol temu bual dan senarai semak yang digunakan sesuai dan boleh dipercayai dalam membantu mendapatkan data kajian. Kumpulan penyelidik telah memilih kaedah pemerhatian dan temu bual separa berstruktur sebagai kaedah pengumpulan data mengenai tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak sebelum intervensi dilaksanakan dan faktor yang mendorong masalah menulis dalam kalangan kanak-kanak yang dikaji. Setiap sesi temu bual dan pemerhatian telah ditranskripsikan dalam bentuk teks. Bukti pemerhatian ini adalah lebih terperinci dan menjadi asas yang kukuh dalam elemen penyelidikan.

3.2.1. Pemerhatian dan senarai semak.

Penyelidik telah mendapatkan data kajian melalui pemerhatian yang dilaksanakan oleh tujuh orang guru prasekolah. 16 set senarai semak telah diedarkan kepada ketujuh-tujuh guru prasekolah untuk menjalankan pemerhatian berdasarkan domain-domain serta item-item yang disenaraikan dalam senarai semak. Senarai semak kajian ini merupakan pemerhatian berstruktur yang mengandungi spesifikasi item yang berkaitan dengan kemahiran motor halus, kemahiran menulis kanak-kanak dan kandungan [KSPK Semakan \(2017\)](#). Beberapa maklumat berkaitan tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah sebelum intervensi telah diperoleh secara umum. Melalui data senarai semak ini penyelidik telah mengenal pasti keperluan setiap kanak-kanak dengan lebih mudah.

3.2.2. Ujian pra dan pasca

Instrumen utama kajian ini ialah ujian yang dibina berdasarkan [KSPK Semakan \(2017\)](#) yang meliputi kemahiran menulis di bawah tunjang komunikasi. Ujian pra dan pasca yang dijalankan sebelum dan selepas intervensi dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti keberkesanan intervensi iaitu penggunaan "MY FIMOKI" terhadap tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Kajian ini tidak meletakkan kumpulan kawalan dan ini perlu diinterpretasi secara berhati-hati. Ujian ini mengandungi lima soalan dan markah terkumpul bagi ujian ini adalah 80 markah. Soalan-soalan yang dibuat adalah berdasarkan standard pembelajaran kemahiran pra tulis dan kemahiran menulis seperti dinyatakan dalam [KSPK Semakan \(2017\)](#). Masa yang diperuntukkan untuk ujian ini ialah satu jam. Reka bentuk ujian pra dan pasca menggunakan dua kali pengukuran iaitu sebelum intervensi (ujian pra) dan selepas intervensi (ujian pasca) dilaksanakan. Dengan hasil data yang dikumpulkan menerusi instrumen ini, penyelidik dapat membuat perbandingan markah sebelum dan selepas intervensi serta dapat mengenal pasti sama ada pengaplikasian kaedah permainan motor halus menerusi "MY FIMOKI" dapat memberi kesan dalam tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak atau tidak.

3.2.3. Temu bual

Tujuan utama diadakan temu bual separa berstruktur adalah untuk mengukur kebolehpercayaan senarai semak dan ujian pra dan pasca. Item dalam senarai semak yang berkaitan dengan kemahiran menulis kanak-kanak adalah asas kepada protokol temu bual ini. Responden temu bual ini terdiri daripada tujuh orang guru prasekolah yang dipilih. Temu bual ini mengandungi lima soalan dan penyelidik menggunakan borang maklum balas sebagai teks asal data kajian ini. Temu bual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan tentang faktor-faktor yang mendorong kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah serta keberkesanan intervensi dalam peningkatan tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak. Temu bual ini juga merangkumi cadangan-cadangan aktiviti yang boleh dijalankan untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam proses pengajaran dan pembelajaran prasekolah.

3.3. Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum kajian mula dilaksanakan, penyelidik telah mengambil kira beberapa perkara yang dirasakan penting bagi kajian ini. Pertama, penyelidik telah mendapat kelulusan dari Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi memastikan kelancaran proses pengumpulan data kajian ini. Antara prosedur yang perlu diikuti ialah:

- i. Mendapatkan kelulusan dan borang pengesahan daripada Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- ii. Memilih responden kajian dan memberi taklimat berkenaan kajian ini.
- iii. Mengedar dan mengumpul borang senarai semak dan kertas ujian pra dan pasca dan menjalankan temu bual.

[Jadual 1](#) menerangkan carta aliran prosedur pengumpulan data dengan lebih jelas mengikut fasa tertentu.

Jadual 1: Carta Aliran Prosedur Kajian

Carta Aliran Prosedur Kajian	
Fasa 1	Pemerhatian sebelum kajian dijalankan. Pemerhatian di dalam bilik darjah. Mengenal pasti sampel kajian
Fasa 2	Menjalankan kajian. Mengumpulkan data.
Fasa 3	Menganalisis data.

3.4. Analisis Data Kajian

Prosedur analisis data kajian adalah berdasarkan persoalan kajian yang telah ditetapkan. [Jadual 2](#) menerangkan kaedah dan instrumen yang digunakan dalam kajian ini untuk analisis data berdasarkan persoalan kajian ini.

Jadual 2: Metodologi berdasarkan persoalan kajian

Persoalan kajian	Metodologi kajian
Adakah kanak-kanak prasekolah mencapai tahap perkembangan kemahiran menulis dengan betul?	Kaedah pemerhatian Instrumen: senarai semak

Apakah kesan terhadap penggunaan kit “MY FIMOKI” dalam perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak? Apakah faktor yang mempengaruhi kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah?

Kaedah analisis dokumen
Instrumen: Ujian pra dan pasca
Kaedah temubual
Instrumen: Protokol temubual
separa berstruktur

Data yang diperoleh menerusi senarai semak telah dianalisis dalam bentuk jadual dengan kekerapan dan peratus bagi ketiga-tiga domain telah direkodkan. Penyelidik juga telah menganalisis data pemerhatian mengikut item-item yang disenaraikan dalam setiap domain senarai semak dalam bentuk jadual. Kekerapan dan peratus telah dikira bagi setiap item untuk mengenal pasti tahap perkembangan ketiga-tiga domain iaitu (1) kemahiran motor halus, (2) kemahiran menulis dan (3) kandungan [KSPK Semakan \(2017\)](#).

Ujian pra telah dijalankan bagi mengenal pasti tahap kecekapan murid dalam kemahiran menulis sebelum intervensi dijalankan, manakala ujian pasca telah dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan intervensi iaitu “MY FIMOKI” di setiap prasekolah yang dipilih. Markah untuk kedua-dua ujian ini hanya diberi dengan mengira bilangan jawapan yang ditulis secara urutan yang betul sahaja pada setiap ruang yang disediakan. Penyelidik telah mengira jumlah markah yang diperoleh oleh 16 responden kajian menerusi ujian pra dan ujian pasca dan telah mempersembahkan dalam bentuk jadual. Perbandingan markah keseluruhan ujian pra dan pasca telah direkodkan dalam bentuk jadual. Manakala, perbandingan markah untuk setiap soalan yang terdapat dalam ujian pra dan pasca telah dicatat dalam bentuk graf garisan bagi setiap responden kajian ini.

Data yang diperolehi menerusi temu bual telah dicatat dan ditranskripsikan. Setelah ditranskripsikan dalam bentuk jadual, penyelidik telah menganalisis serta menghuraikan secara terperinci dalam bentuk deskriptif. Analisis data linguistik ini dikategorikan mengikut perkataan, frasa dan klausa dalam setiap perbualan.

4. Dapatan Kajian

4.1. Tahap Perkembangan Kemahiran Menulis Kanak-kanak Prasekolah

Penyelidik telah menjalankan pemerhatian dengan bantuan responden kajian iaitu tujuh orang guru prasekolah semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung di kelas prasekolah yang terpilih di daerah Muallim dan Batang Padang. Dapatan kajian ini adalah daripada pemerhatian menggunakan instrumen senarai semak. Dalam kategori perkembangan kemahiran menulis muncul tiga domain iaitu (1) kemahiran motor halus, (2) kemahiran menulis dan (3) kandungan [KSPK Semakan \(2017\)](#). [Jadual 3](#) menunjukkan kekerapan ketiga-tiga domain dalam perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah.

Jadual 3: Kekerapan Keseluruhan Domain Dalam Perkembangan Kemahiran Menulis Kanak-kanak Prasekolah

Domain	Kekerapan		Peratus	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1. Kemahiran Motor Halus (KMH)	27	53	33.8	66.2
2. Kemahiran Menulis (KM)	117	43	73.1	26.9
3. Kandungan KSPK Semakan 2017 (KSPK)	0	60	25	75

Jadual 4 menunjukkan kekerapan dan peratus bagi item dalam domain pertama kemahiran menulis iaitu kemahiran motor halus daripada jumlah 16 kanak-kanak yang dianalisis dalam kajian ini. Bagi item pertama dalam domain kemahiran motor halus adalah seramai lima (31.3%) orang responden kanak-kanak prasekolah boleh menggunakan tangan untuk mengikat sesuatu objek. Manakala, seramai 11 orang responden (68.8%) boleh menggunakan jari untuk merenyuk kertas. **Jadual 4** menunjukkan tiada seorang responden (0%) pun boleh menggantung dengan cara yang betul. Seramai tujuh orang responden (43.8%) kajian ini boleh memakai stokin dan kasut tanpa bantuan dan seramai empat orang responden (25%) boleh melukis gambar orang dengan tiga bahagian badan. Secara keseluruhan, tahap perkembangan bagi domain kemahiran motor halus adalah berada pada tahap yang rendah.

Jadual 4: Kekerapan Item Dalam Kemahiran Motor Halus

Bil	Item	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Murid boleh menggunakan tangan untuk mengikat sesuatu objek.	5	31.3
2.	Murid menggunakan jari untuk merenyuk kertas.	11	68.8
3.	Murid boleh menggantung dengan cara yang betul.	0	0
4.	Murid boleh memakai stokin dan kasut tanpa bantuan.	7	43.8
5.	Murid boleh melukis orang dengan tiga	4	25

Jadual 5 menunjukkan kekerapan dan peratus bagi item dalam domain kedua perkembangan kemahiran menulis. Bagi item pertama dalam domain kemahiran menulis, seramai lapan orang responden iaitu sebanyak 50% kanak-kanak prasekolah teragak-agak untuk menggunakan sama ada tangan kanan atau tangan kiri untuk menulis. Selain itu, hanya seramai enam orang responden (37.5%) kajian ini boleh memegang pensil dengan cara yang betul. Manakala, 43.8% responden kajian ini boleh mengenal, menangkap, meniru bentuk huruf dengan betul. Semua (100%) responden mempunyai tulisan yang tidak kemas, tidak teratur ataupun tidak dibentuk dengan sempurna dan hasil kerja bertulis responden juga tidak kemas. ini mempunyai masalah untuk menyalin maklumat dari papan tulis dan juga maklumat yang diperdengarkan. 87.5% responden (14 responden) kajian mempunyai tulisan yang sukar dibaca dan 81.3% responden (13 responden) kajian ini menulis huruf secara terbalik dan keliru dengan konsep arah. Secara keseluruhan, **Jadual 5** menunjukkan tahap perkembangan bagi domain kemahiran menulis adalah berada pada tahap yang rendah.

Jadual 5: Kekerapan item dalam kemahiran menulis

Bil	Item	Kekerapan	Peratus (%)
1.	Murid teragak-agak untuk menggunakan sama ada tangan kanan ataupun tangan kiri untuk menulis.	8	50
2.	Murid boleh memegang pensil dengan cara yang betul.	6	37.5
3.	Murid boleh mengenal, menangkap, meniru bentuk huruf dengan betul.	7	43.8
4.	Tulisan murid tidak kemas, tidak teratur ataupun tidak dibentuk dengan sempurna.	16	100
5.	Hasil kerja bertulis murid tidak kemas	16	100
6.	Tulisan murid sukar dibaca.	14	87.5

7.	Murid menulis huruf secara terbalik dan keliru dengan konsep arah.	13	81.3
8.	Murid menulis lambat berbanding rakan sebaya.	5	31.3
9.	Murid mempunyai masalah untuk menyalin maklumat dari papan tulis.	16	100
10.	Murid mempunyai masalah untuk menyalin maklumat yang diperdengarkan.	16	100

Berdasarkan [Jadual 6](#), secara keseluruhan responden kajian ini belum mencapai tahap penguasaan yang minimum bagi kandungan kemahiran menulis yang terdapat dalam [KSPK Semakan \(2017\)](#). 37.5% responden kajian iaitu seramai enam orang responden kajian boleh memegang alat tulis dengan cara yang betul untuk menulis. Hanya empat responden (25%) kajian ini boleh mengkoordinasi pergerakan mata dengan tangan mengikut arah yang betul. Manakala, bagi item ketiga dan keempat, sebanyak 31.3% daripada responden (5 responden) kajian ini boleh menulis huruf, perkataan, frasa dan ayat dengan cara yang betul. Bagi item yang seterusnya tiada seorang responden (0%) pun boleh meluahkan idea dalam bentuk lukisan, simbol dan tulisan.

Jadual 6: Kekekapan Item Dalam Kandungan KSPK Semakan 2017

Bil	Item	Kekekapan	Peratus (%)
1.	Murid boleh memegang alat tulis dengan cara yang betul untuk menulis.	6	37.5
2.	Murid boleh mengkoordinasikan pergerakan mata dengan tangan mengikut arah yang betul.	4	25
3.	Murid boleh menulis huruf dan perkataan dengan cara yang betul.	5	31.3
4.	Murid boleh menulis frasa dan ayat dengan cara yang betul.	5	31.3
5.	Murid boleh meluahkan idea dalam bentuk lukisan, simbol dan tulisan.	0	0

4.2. Ujian Pra dan Pasca: Kesan Penggunaan “MY FIMOKI” Dalam Perkembangan Kemahiran Menulis Kanak-kanak

Ujian pra ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap kecekapan murid dalam kemahiran menulis sebelum intervensi dijalankan, manakala ujian pasca telah dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan intervensi iaitu “MY FIMOKI” di setiap prasekolah yang dipilih. Markah untuk kedua-dua ujian ini hanya diberi dengan mengira bilangan jawapan yang ditulis secara urutan yang betul sahaja pada setiap ruang yang disediakan. [Jadual 7](#) menunjukkan peratus peningkatan markah bagi kelima-lima soalan ujian pra dan pasca yang telah dijalankan.

Jadual 7: Peratus peningkatan markah ujian pra dan pasca

Bil	Soalan	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca (%)	Peratus peningkatan
1.	Surih huruf.	23.8	71.3	47.5
2.	Tulis huruf yang terdapat dalam kotak kecil.	22.7	60.9	38.2
3.	Tulis huruf yang disebut oleh guru.	0	63.3	63.3

4.	Salin semula perkataan dalam urutan yang betul.	7.8	65.6	57.8
5.	Salin semula ayat dibawah dengan betul.	10	62.5	52.5

Seterusnya ujian-t sampel berpasangan (*Paired Sample t-test*) telah dijalankan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca selepas para murid didedahkan dengan intervensi "MY FIMOKI". [Jadual 8](#) menunjukkan min markah bagi ujian pra ialah 5.00 manakala min markah bagi ujian pasca ialah 22.81. Nilai t yang diperolehi ialah 22.96 dan nilai signifikan pula 0.00, lebih rendah daripada paras keyakinan 99 peratus ($p < 0.01$). Maka, dapatan kajian ini mendapati min ujian pasca (selepas intervensi "MY FIMOKI") adalah lebih tinggi berbanding ujian pra dan perbezaan ini adalah signifikan pada aras keyakinan yang sangat tinggi.

Jadual 8: Perbandingan min markah ujian pra dan pasca

Ujian	Min	Sisihan Piawai	Darjah Kebebasan	Nilai-t	Signifikan (Nilai-p)
Ujian Pra	5.00	3.10	15	22.96	0.00
Ujian Pasca	22.81				

4.3. Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah

Temu bual dilakukan kepada tujuh orang guru prasekolah yang dipilih sebagai responden kajian di daerah Batang Padang bertujuan untuk mengumpul data yang boleh menyokong hasil kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah.

4.3.1. Tema 1: Faktor pendorong masalah dalam latihan menulis

4.3.1.1. Subtema 1. Kurang latihan kemahiran menulis.

Semua responden diminta untuk menerangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka semasa mengajar kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. R1 dan R7 telah menyatakan tulisan murid adalah tidak kemas semasa menyiapkan aktiviti menulis. Selain itu, mereka juga menghadapi masalah kekangan masa semasa menjalankan proses pengajaran kerana murid mengambil masa yang lama untuk menyiapkan latihan menulis. Manakala, R2, R3, R6 dan R7 menyatakan murid-murid sukar memegang pensel dengan cara yang betul. Mereka berpendapat bahawa cara murid memegang pensil adalah salah dan sukar untuk memperbaiki amalan ini. Tambahan pula, R1, R4, R5, R6 dan R7 menyatakan bahawa murid-murid prasekolah tidak menguasai teknik menulis yang betul. Dimana murid-murid mereka menghadapi masalah menulis huruf dengan urutan betul dan menulis huruf secara terbalik. Mereka juga menyatakan bahawa murid-murid menulis huruf secara songsang.

...murid menulis huruf secara terbalik dan tidak menulis di atas garisan yang disediakan. (R7).

R1 dan R7 menyatakan bahawa faktor utama masalah perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah adalah kanak-kanak kurang diberi latihan menulis yang berterusan. Menurut mereka (R1, R2, R5 dan R7) kekurangan aktiviti pra tulis dan aktiviti menulis dalam kalangan kanak-kanak sama ada di sekolah atau di rumah juga

faktor yang mendorong masalah kemahiran menulis dalam kanak-kanak prasekolah. Ini dijelaskan oleh salah seorang peserta menyatakan;

... tahap tunjuk ajar kepada kanak-kanak tentang kemahiran menulis oleh para guru prasekolah dan ibu bapa adalah sangat rendah. (R1)

Seterusnya, R3 dan R6 menyatakan bahawa kekurangan aktiviti koordinasi mata dan tangan merupakan punca utama masalah kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Mereka juga menyatakan bahawa kanak-kanak yang kurang melibatkan diri dalam aktiviti luaran dan suka meluangkan masa dalam permainan gajet mempunyai tahap perkembangan kemahiran motor halus yang rendah.

4.3.1.2. Subtema 2. Kurang sokongan ibu bapa dalam latihan kemahiran menulis.

Ada segelintir sikap ibu bapa yang suka menulis (*membuat*) kerja rumah anak mereka merupakan faktor utama masalah perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Tiada kerjasama antara ibu bapa dengan guru prasekolah dalam membimbing kanak-kanak juga merupakan salah satu faktor masalah ini.

... tahap pendidikan ibu bapa yang rendah iaitu tidak pandai membaca dan menulis. (R3)

Ini menyebabkan murid-murid tidak menerima segala bimbingan atau tunjuk ajar daripada ibu bapa. Selain itu, guru tidak dapat memberi tunjuk ajar sepenuhnya kerana terdapat bilangan murid yang ramai dalam satu kelas.

4.3.1.3. Subtema 3. Latihan kemahiran yang tidak sesuai

R1 dan R6 menyatakan faktor-faktor masalah kemahiran menulis ini mempengaruhi cara menulis kanak-kanak. Kanak-kanak menulis huruf dengan cara dan bentuk serta urutan yang salah. Manakala, R1, R2, R4 dan R7 menyatakan kanak-kanak yang mempunyai masalah kemahiran menulis menghadapi masalah pembelajaran lain seperti kemahiran membaca dan penguasaan kosa kata yang rendah. R2 dan R5 menyatakan kanak-kanak lemah dalam proses pembelajaran jika mereka menghadapi masalah kemahiran menulis. Seterusnya, R3, R4 dan R6 menyatakan bahawa kanak-kanak mengambil masa yang lama untuk menyiapkan tugas dan memperbaiki tulisan mereka. Tambahan pula, R3, R5 dan R7 menyatakan bahawa jika kanak-kanak mempunyai masalah kemahiran menulis mereka mula menunjukkan sikap kurang minat dan berasa bosan dalam proses pembelajaran. Mereka kurang aktif melibatkan diri dalam proses pembelajaran. Akhir sekali, R7 telah menyatakan kadangkala kanak-kanak yang mempunyai masalah kemahiran menulis menunjukkan masalah disiplin seperti mengganggu rakan sekelas semasa proses pembelajaran.

4.3.2. Tema 2. Cara mengatasi masalah kemahiran menulis

4.3.2.1. Subtema 1: Aktiviti ransangan kemahiran motor halus

Cara mengatasi masalah perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak dalam PdPC harian. R1, R2, R5, R6 dan R7 menyatakan bahawa pelaksanaan aktiviti kemahiran motor halus dan aktiviti koordinasi mata dan tangan dalam proses pembelajaran adalah cara yang paling terbaik bagi meningkatkan tahap perkembangan kemahiran menulis

kanak-kanak prasekolah. Antara aktiviti-aktiviti motor halus yang disenaraikan oleh responden adalah menguli doh, *spray* air, mengoyak kertas, menggunting, menguntai manik, mengikat tali kasut, menampal, menconteng dan menulis di atas permukaan yang berlainan.

Saya beri latihan menulis sekurang-kurangnya dalam dua mata pelajaran dalam sehari dapat membantu kanak-kanak untuk mengatasi masalah kemahiran menulis. (R4)

Mereka juga berpendapat memperbanyakkan aktiviti pra tulis dan kerap memberi aktiviti pra tulis dalam PdPC harian juga merupakan cara mengatasi masalah kemahiran menulis kanak-kanak. Tambahan pula, R4 dan R6 menyatakan bahawa penyediaan bahan bantu mengajar yang efektif dan aktiviti yang melibatkan deria kanak-kanak merupakan salah satu cara mengatasi masalah kemahiran menulis kanak-kanak.

4.3.2.2. Subtema 2. Kesan menggunakan MyFIMOKI kit

Responden diminta untuk menerangkan perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak sebelum dan selepas intervensi dijalankan. R1, R2, R3, R6 dan R7 menyatakan bahawa selepas intervensi dijalankan kanak-kanak dapat memegang pensel dengan cara yang betul. Seterusnya, R2, R3, R5, R6 dan R7 menyatakan tulisan kanak-kanak lebih kemas selepas intervensi dijalankan. Mereka juga menyatakan bahawa kanak-kanak dapat menulis huruf dengan urutan yang betul selepas intervensi dijalankan.

... selepas intervensi dijalankan kanak-kanak dapat menulis dengan cepat dan dapat menyiapkan tugas menulis dengan masa yang ditetapkan. (R6)

Kanak-kanak lebih berfokus dalam proses pembelajaran berbanding sebelum intervensi dijalankan.

5. Perbincangan dan Implikasi Kajian

Daripada hasil dapatan domain pertama senarai semak iaitu kemahiran motor halus, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden kajian ini mempunyai tahap perkembangan motor halus yang rendah. Dapatan ini disokong oleh [Puteh dan Ali \(2016\)](#), yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang sudah menguasai kemahiran motor halus adalah kanak-kanak yang boleh memanipulasikan otot-otot kecil seperti menggenggam, merenyuk atau mengoyak kertas, menggunting dan mengguli.

Daripada hasil dapatan domain kedua senarai semak iaitu kemahiran menulis, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden kajian ini mempunyai tahap perkembangan kemahiran menulis yang rendah. Menurut [Alghadir, et al. \(2020\)](#), kekemasan dan kepantasan adalah dua elemen penting dalam kemahiran menulis. Beliau berpendapat bahawa kesukaran dalam kemahiran menulis termasuk kelemahan dalam cara menulis huruf dengan bentuk yang betul, saiz huruf dan penjarakan antara satu perkataan dengan satu perkataan. Dapatan kajian ini disokong oleh [Yin et al. \(2016\)](#), yang mengatakan bahawa kanak-kanak yang mempunyai cara memegang pensel atau genggam pensel yang salah menunjukkan masalah kemahiran menulis.

Responden kajian ini tidak menguasai kemahiran-kemahiran yang diterapkan dalam

KSPK Semakan (2017) dan mempunyai penguasaan kemahiran motor halus dan kemahiran menulis yang rendah. Dalam kajiannya Nor et al. (2020), menyatakan dalam KSPK Semakan (2017) standard pembelajaran bagi kemahiran menulis dirangka agar kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun mampu menguasai kemahiran menulis dengan cara yang betul dan mudah. Hasil dapatan kajian ini juga disokong oleh Jamian (2016), beliau berpendapat ketidakcekapan koordinasi mata dengan tangan semasa menulis merupakan salah satu masalah kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar.

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan "MY FIMOKI" dalam PdPC harian menunjukkan peningkatan dalam penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Markah ujian pasca menunjukkan pengaplikasian atau penerapan aktiviti motor halus dalam PdPC harian membantu responden untuk meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis kanak-kanak. Menurut Noor Aini (2016), kanak-kanak boleh meningkatkan kemahiran mengenal huruf dengan mudah melalui aktiviti membentuk doh. Selepas menjalankan intervensi iaitu pengaplikasian permainan motor halus (MY FIMOKI) dalam proses pembelajaran, mendapati responden kajian ini menunjukkan peningkatan dalam menyurih huruf dengan urutan yang betul dan kemas. Tambahan pula, responden kajian boleh menyalin huruf di atas garis dengan betul dan kemas dan juga dapat menulis huruf yang disebut oleh guru prasekolah dengan betul. Latihan awal yang mempunyai kaitan dengan latihan koordinasi mata dan tangan serta kemahiran motor halus dari sejak kecil membantu kanak-kanak dalam menulis dengan teratur dan baik (Ahmad Hairi et al., 2019). Pengaplikasian permainan atau aktiviti motor halus seperti 'MY FIMOKI' dalam proses pembelajaran memberi kesan yang positif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini perlu di interpretasi secara berhati-hati kerana tiada kumpulan kawalan. Hasil analisis kajian ini disokong oleh Mamat (2018), bermain merupakan aktiviti semula jadi kanak-kanak dan ia merupakan satu medium pembelajaran yang memberikan hasil lebih baik dalam proses pembelajaran terutama dalam kemahiran menulis kanak-kanak.

Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat empat faktor utama yang mempengaruhi kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kecekapan penguasaan kemahiran motor halus melalui pelbagai aktiviti motor halus membantu kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran menulis. Dapatan ini disokong oleh de Vries et al. (2015), dalam kajiannya menyatakan bahawa koordinasi motor halus merupakan komponen utama dalam peringkat awal pembelajaran kemahiran menulis kanak-kanak. Kekurangan dari bimbingan dan tunjuk ajar dalam kemahiran menulis memberi kesan negatif terhadap perkembangan kemahiran tersebut dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Menurut Graham dan Harris (2002), kanak-kanak memerlukan bantuan dan sokongan daripada guru untuk mempelajari sesuatu kemahiran dengan sepenuhnya. Kajian beliau menyokong dapatan kajian ini yang menyatakan pihak sekolah, guru atau rakan sekelas merupakan mentor bagi kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran. Dapatan kajian ini juga disokong oleh Hamid dan Yasin (2020), yang menyatakan bahawa pengetahuan dan perancangan serta kaedah pengajaran yang bersesuaian mengikut tahap kebolehan kanak-kanak adalah penting dan perlu diambil perhatian oleh guru.

Responden kajian ini juga berpendapat kekurangan latihan menulis dan aktiviti koordinasi mata dan tangan juga merupakan faktor masalah kemahiran menulis dalam kanak-kanak prasekolah. Dapatan ini disokong oleh Ozkur (2020), yang menyatakan

aktiviti literasi awal seperti aktiviti yang melibatkan koordinasi mata dan tangan membantu kanak-kanak dalam memperkembangkan kemahiran bahasa, membaca dan menulis. Justeru, kajian ini membuktikan bahawa permainan atau aktiviti motor halus dapat memberi kesan positif terhadap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak. Dapatan ini juga disokong oleh Kim et al (2016), yang berpendapat kemahiran menulis berkait rapat dengan kemahiran motor halus kanak-kanak, kerana kecekapan kemahiran menulis kanak-kanak bertambah apabila tahap penguasaan kemahiran motor halus kanak-kanak meningkat.

Penyelidik menggariskan satu implikasi utama dalam kajian ini iaitu implikasi amalan. Implikasi amalan bermaksud langkah-langkah yang disarankan untuk pihak-pihak yang tertentu dan terlibat secara langsung. Pengintegrasian kit motor halus dalam proses pembelajaran harian merapatkan jurang kesukaran kemahiran tersebut kerana dapatan kajian dan kajian-kajian lepas membuktikan bahawa kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran menulis menerusi aktiviti atau permainan motor halus. Berdasarkan hasil analisis dapatan kajian, kaedah pengajaran yang sesuai dan bimbingan serta tunjuk ajar yang maksimum memerlukan kepada kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Para pendidik sentiasa bersedia dari segi minda, kesediaan dan keyakinan serta sikap terbuka dalam menerima kritikan semasa mengaplikasikan sesuatu kaedah atau intervensi dalam proses pengajaran dan pembelajaran harian. Seterusnya, pengetahuan dan kemahiran para pendidik serta pihak sekolah dalam menangani sesuatu masalah pembelajaran kanak-kanak dapat dimantapkan dari semasa ke semasa. Para ibu bapa dan komuniti harus bersedia untuk bekerjasama dengan pihak guru prasekolah untuk memantapkan tahap membimbing kanak-kanak dalam proses pembelajaran dari semasa ke semasa. Bagi komuniti atau masyarakat yang mempunyai pengalaman dan idea diharap sentiasa bersedia untuk menabur khidmat dengan memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada yang memerlukannya. KPM merupakan pihak yang memainkan peranan penting dalam penggubalan kurikulum pelajaran di Malaysia. Kajian ini mengesyorkan kurikulum prasekolah untuk memberi keutamaan kepada aktiviti motor halus sebagai sebahagian daripada kurikulum bahasa dan komunikasi kerana ia berfungsi sebagai instrumen yang boleh meningkatkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, jelas bahawa pentingnya proses pembelajaran dan pengajaran dan bahan bantu mengajar yang menarik dalam pelbagai bentuk idea kanak-kanak. Hal ini disebabkan kerana kecekapan dan tahap penguasaan kemahiran kanak-kanak adalah berbeza mengikut tahap perkembangan mereka. Oleh itu, perkara yang perlu dititikberatkan adalah proses pembelajaran yang menggunakan pelbagai strategi pembelajaran yang bersesuaian mampu membentuk insan yang cemerlang dari aspek kognitif, sosial dan akademik.

Tahap perkembangan motor halus yang rendah, kekurangan latihan menulis, tahap bimbingan guru dan ibu bapa dan kekurangan aktiviti koordinasi mata dan tangan adalah empat faktor utama yang mendorong masalah perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti keberkesanan 'MY FIMOKI' dalam meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah. Secara ringkasnya hasil analisis kajian ini mendapati bahawa pengaplikasian 'MY FIMOKI' dalam bilik darjah semasa PdPC berlangsung dapat meningkatkan tahap perkembangan kemahiran menulis kanak-kanak prasekolah.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden dan individu yang telah memberikan kerjasama dan membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rasid J. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-11.
- Ahmad Hairi, Aziyati Asnil, Nik Ibrahim & Halah Satar (2019). *Kemahiran Menulis Kanak-Kanak*. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Alghadir, A. H., Zafar, H., & Iqbal, Z. A. (2020). Can jaw position affect the fine motor activity of the hand during writing?. *Brain and Behavior*, e01887.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational research – Planning, conducting, and evaluating. Quantitative and qualitative research*. New Jersey : Merrill Prentice Hall.
- de Vries, L., van Hartingsveldt, M. J., Cup, E. H., Nijhuis-van der Sanden, M. W., & de Groot, I. J. (2015). Evaluating fine motor coordination in children who are not ready for handwriting: which test should we take?. *Occupational Therapy International*, 22(2), 61-70.
- Graham, S., & Harris, K. R. (2002). Prevention and intervention for struggling writers. In M. Shinn, H. Walker, & G. Stone (Eds.), *Interventions for academic and behavior problems II: Preventive and remedial approaches*. Bethesda, MD: NASP.
- Hamid, A. H. A., & Yasin, M. H. M. (2020, July). Teacher Information About Handling Writing Teaching Classification of Special Educational Educational with Learning. In *International Conference on Special Education In South East Asia Region 10th Series 2020* (pp. 471-476). Redwhite Press.
- Hassan, M. F. (2019). Improving fine motor skills of special education students in Sandakan by using hot box. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12, 28-34.
- Jamian, A. R. (2016). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*,

1(1), 1-12.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2019). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Bahagian Pembangunan Kurikulum*. Putrajaya, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Kim, H., Carlson, A. G., Curby, T. W., & Winsler, A. (2016). Relations among motor, social, and cognitive skills in pre-kindergarten children with developmental disabilities. *Research in developmental disabilities, 53*, 43-60.
- KSPK. (2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Bahagian Pembangunan Kurikulum*, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mahfuzah Zainol. (2015). *Strategi Pengurusan Tingkah Laku Pendidikan Khas*. Wilayah Persekutuan Putrajaya Malaysia.
- Masnan, A. H.; Mustafa, M. C., & Hosshan, H. (2017). New preschool teachers and implementation of inclusive classes issues in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7*(10), 644 – 652.
- Mamat, N., Luen, L. C., Radzi, N. M. M., Yassin, S. M., & Yusoff, S. I. M. (2018). Reliability, Validity and Fairness of Interviews for Teaching and Learning Project in Quality Early Childhood Care and Education: Preliminary Study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 8*(6), 1283-1292.
- Mohd Yusof, M. A. and Maat, S. M. (2022). Kesediaan Murid Tahun Satu dalam Mengikuti Pembelajaran Matematik Secara Kelas Berbalik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(7), e001635. doi: 10.47405/mjssh.v7i7.1635.
- Noor Aini Ahmad. (2016). Belajar kemahiran mengenal huruf menggunakan aktiviti membentuk doh. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 5*(1), 71-80.
- Nor, N. M. M., Mohammad, W. M. R. W., & Mokhtar, S. (2020). Analisis kandungan kemahiran Bahasa Melayu dalam kurikulum prasekolah di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education an Literature, 11*(1), 46-67.
- Ozkur, F. (2020). Analyzing Motor Development and Emergent Literacy Skills of Preschool Children. *International Education Studies, 13*(4), 94-99.
- Puteh, S. N., & Ali, A. (2016). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1*(2), 1-16.
- Puteri Anatassia Zulkafli & Azizah Zain (2020), Analisis Sampel Penulisan Kanak-Kanak : Satu Tinjauan Dalam Kalangan Guru-Guru Tadika. *Prosiding E-Seminar Kebangsaan Pendidikan Dan Pembangunan Manusia (PPM)*, 315-327.
- Seo, S. M. (2018). The effect of fine motor skills on handwriting legibility in preschool age children. *Journal of physical therapy science, 30*(2), 324-327.
- Yin, L. C., Yasin, M. H. M., & Tahar, M. M. (2016). Genggaman Pensel Kanak-kanak Bermasalah Pembelajaran dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 2*(1), 65-77.
- Yusof Malie & Walter Alvin (2010). Jiniti/ Disgrafia dan cara membantu: Kajian kes ke atas murid Program Integrasi Pendidikan Khas. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPG, 4*, 1-22.